

## Adat Perpatih di Luak Johol, Negeri Sembilan: Peranan Ibu Soko

### *Adat Perpatih in Luak Johol, Negeri Sembilan: The Role of Ibu Soko*

Nurlisa Syuhada Mohd Radzi  
<sup>1</sup>Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff

Program Persuratan Melayu  
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel : <sup>1</sup>yuszaidy@ukm.edu.my

#### ABSTRAK

*Kajian ini mengenai peranan Ibu Soko dalam adat Perpatih di Luak Johol, Negeri Sembilan. Ibu Soko adalah satu panggilan yang digunakan dalam adat Perpatih yang merujuk kepada wanita yang paling berpengetahuan dan berpengalaman tentang perjalanan adat. Ibu Soko juga adalah individu yang tertua dalam suku yang tahu, faham serta hafal tentang adat. Kini peranan Ibu Soko semakin pudar dan ramai yang tidak mengenalinya. Objektif kajian ini menjelaskan peranan Ibu Soko pada masa kini. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini menggunakan teknik kajian lapangan dan kajian keperpustakaan. Kajian lapangan menggunakan cara pemerhatian serta melakukan temu bual berfokus. Kajian keperpustakaan pula digunakan bagi menambah dan menyokong data dalam bentuk sekunder. Data yang dikumpul perlu diproses dan disaring menggunakan teknik analisis tematik dan teknik interprestasi. Hasil penemuan data didapati bahawa terdapat tiga pecahan dalam peranan Ibu Soko iaitu peranan dalam masyarakat, organisasi dan individu. Sumbangan kajian ini diharapkan dapat menambah lagi kefahaman kepada pelbagai pihak terutama generasi muda, mengekalkan identiti serta jati diri dalam memahami dan menghargai adat agar tidak dilupakan dan ditelan zaman.*

**Kata kunci:** *Matrilineal, Lembaga, Undang, Kodim, Ibu Soko.*

#### ABSTRACT

*This study is about the role of Ibu Soko in adat Perpatih in Luak Johol, Negeri Sembilan. Ibu Soko is a nickname used in the adat Perpatih which refers to the most knowledgeable and experienced women about customary travel. Ibu Soko is also the oldest individual in the tribe who knows, understands and memorizes adat. Now Ibu Soko's role is fading and many do not recognize her. The objective of this study is to explain the role of Ibu Soko in the present. This research uses qualitative methods. This method uses field research techniques and library research. The field study used observational methods as well as conducting focused interviews. Library research is used to add and support data in secondary form. The data collected needs to be processed and filtered using thematic analysis techniques and interpretation techniques. The results of the data found that there are three fractions in the role of Ibu Soko, namely the role in society, organization and individual. The contribution of this study is expected to add more understanding to various parties, especially the younger generation, maintain identity and identity in understanding and appreciating adat so that they are not forgotten and swallowed by time.*

**Keywords:** *Matrilineal, Lembaga, Undang, Kodim, Ibu Soko.*

## 1. Pengenalan

Pada awalnya di tanah Melayu, masyarakatnya mengamalkan dua adat iaitu adat Perpatih dan juga adat Temenggung. Adat Temenggung telah diamalkan oleh seluruh masyarakat Melayu kecuali Negeri Sembilan dan beberapa Kawasan di Negeri Melaka. Adat Temenggung telah dibawa oleh Datuk Ketemenggungan dan adat Perpatih telah dibawa oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang. Kedua-dua adat ini berasal dari Pagar Ruyong iaitu bahagian Pulau Sumatera daerah Minangkabau dan Palembang. Namun begitu dikatakan tidak ada tarikh tepat yang dicatatkan tentang bilakah adat ini wujud (Mat Noor, Che Maryam & Zuliza 2012).

Nordin Selat (1976) menyatakan terdapat juga suku yang berpecah dua seperti Suku Seri Lemak yang terbahagi kepada Seri Lemak Minangkabau dan Seri Lemak Pahang. 37 Suku dipecahkan kepada bahagian yang kecil dipanggil 'Perut'. Perut diketuai oleh Buapak dan anggota di dalam Perut dikenali sebagai Anak Buah. Perut dipecahkan kepada 'Ruang' dan seterusnya dipecahkan kepada 'Rumpun. Buapak diketuai oleh Lembaga. Lembaga diketuai oleh Dato' Undang atau Penghulu. Dato' Undang merupakan pemerintah bagi luak-luak. Terdapat 12 Suku di Negeri Sembilan iaitu Suku Biduanda, Tiga Batu, Batu Belang, Seri Melenggang, Seri Lemak, Paya Kumbuh, Batu Hampar, Suku Mungkal, Tanah Datar, Anak Acheh, Tiga Nenek dan Anak Melaka.

Penubuhan Negeri Sembilan pada asalnya adalah daripada Dato' Perpatih Nan Sebatang. Beliau merupakan pengasas kepada adat Perpatih yang telah dikenali kini. Tambahan pula, adat Perpatih juga lebih mementingkan kaum perempuan atau mengamalkan sitem perwarisan iaitu matrilineal yang dikenali dengan keturunan nasab ibu. Hal ini dikatakan demikian kerana keutamaan keturunan daripada nasab ibu di dalam Adat Perpatih sebenarnya lebih kepada mewarisi harta pusaka dan juga membawa darah keturunan. Sebagai contoh jika nasab bapa adalah suku Tanah Datar dan nasab ibu adalah Suku Biduanda maka anak-anaknya akan membawa Suku Biduanda. Seterusnya, tidak dapat dinafikan bahawa kedudukan kaum wanita dalam adat Perpatih adalah tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap jawatan yang disandang iaitu anak buah, perut sehinggalah Yang di-Pertuan Besar diambil berdasarkan nasab sebelah ibu (wanita). Maka dari sudut ini jelas menunjukkan bahawa kaum wanita di Negeri Sembilan mempunyai kedudukan yang tinggi nasab ibu menentukan siapa yang bakal menjadi pemerintah.

Seterusnya, perbeza daripada adat Perpatih di Negeri Sembilan terdapat adat Perpatih luar daripada negeri Sembilan seperti Minangkabau. Sudah sejak lama masyarakat Minangkabau menarik perhatian banyak peneliti, baik dari dalam maupun luar negeri. Hal itu disebabkan karena sistem kekerabatan matrilineal yang dianut oleh masyarakat Minangkabau di tengah sistem patrilineal yang pada umumnya dinaut oleh masyarakat dunia. Kekhasan itu memancing keingintahuan para peneliti. Pada sistem kekerabatan matrilineal atau garis keturunan menurut garis ibu, kaum perempuan menempati posisi yang sangat penting di dalam kehidupan bermasyarakat. Keberadaan suku, kaum, dan paruik di Minangkabau tergantung pada perempuan. Suku atau kaum bisa menjadi punah bila perempuan tidak ada lagi. Kedudukan perempuan yang menjamin keberadaan suku atau kaum menyebabkan perempuan disimbolkan sebagai "Limpapeh rumah nan gadang". Oleh sebab keberadaan perempuan sebagai penjamin keberlangsungan dan keberadaan suatu suku atau kaum menyebabkan perempuan amat menentukan atas harta benda kaum yang dinamakan sebagai "amban puruak aluang bunian" bagi rumah gadang. Kaum perempuan yang akan memelihara harta benda itu dengan sebaik-baiknya sebagai jaminan hidup bagi anak-anak serta kaumnya (Arifin 2009). Menurut Ariffin (2009), Masyarakat Minangkabau dikenal sebagai salah satu masyarakat yang memiliki sifat dualiti dalam praktik sosialnya. Salah satu bentuk dualiti yang ditampilkan adat Minangkabau tersebut, tercermin pada kedudukan lelaki khususnya Sumandodalam keluarga perempuan iaitu isterinya, yang dianggap sebagai urang asing atau orang luar. Hal ini menunjukkan bahawa seorang suami atau sumando sangat bergantung

kepada keluarga isteri untuk tetap mempertahankan dirinya. Orang Minangkabau sampai hari ini masih mengakui dan tetap meneruskan garis keturunan dari ibu. Kekayaan martabat dan gelar diturunkan melalui garis perempuan. Perkawinan dan hal lainnya diatur berdasarkan kesepakatan pihak-pihak keluarga dan keputusan dilakukan dalam mufakat dengan ninik mamak. Menurut kaba, sejak masa Iskandar Zulkainain, masa Hindu, sampai menganut agama Islam, garis keturunan dari ibu tetap menjadi ikatan kekerabatan dan perempuannya disebut *bundo kanduang*.

Adat Perpatih di Negeri Sembilan mempunyai Ibu Soko manakala dalam adat Minangkabau pula digelar sebagai *Bundo Kanduang*. Ibu Soko ialah wanita yang paling berpengetahuan dan berpengalaman tentang perjalanan adat khususnya tentang salasilah kelompok kekeluargaannya. 'Ibu Soko' merupakan pakar rujuk berkaitan dengan hal ehwal adat baik dari segi sosial, ekonomi mahupun politik. Menurut Mohd. Rosli Saludin (2007) menyatakan bahawa 'Ibu Soko' mempunyai kuasa yang istimewa dan tersendiri. Kuasanya tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapaupun. Di dalam segala hal Adat perpatih ini, 'Ibu Soko' patut menjalankan fungsinya. Misalnya, dalam adat perkahwinan pengesahan daripada 'Ibu Soko' adalah penting. Jika ia tidak ada, kenduri perkahwinan tersebut tidak boleh dilangsungkan.

Menurut Ariffin (2009), *Bundo Kanduang* yang hakiki adalah perempuan yang dituakan dalam suatu kaum, memiliki budi pekerti yang baik, dan kepedulian yang tinggi seperti bunyi mamangan adat "Tahu di korong jo kampuang, tahu di rumah jo tanggo, tahu manyuri manuladan, takuik di budi ka tajua, malu dipaham ka tagadai. Maknanya, perempuan harus menjaga maruah kampung halaman, pandai menata dan menghadirkan kebahagiaan di rumah tangga, pandai menuntun anggota keluarga kepada yang baik, menghimpunkan yang terserak di antara keluarga, takut budinya akan terjual, cemas pendiriannya akan tergadai. Perempuan di dalam budaya Minangkabau sangat teguh memelihara citra dan mengerti posisinya

## 2. Tinjauan Literatur

Tinjauan literatur merujuk kepada kajian yang telah dijalankan oleh pengakaji pengkaji sebelumnya. Melalui kajian lepas ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa kajian yang hampir sama dengan kajian atau sama dengan kajian yang dijalankan. Antara kajian yang dilakukan oleh Mohd Rosli Saludin (2015) yang bertajuk *Kepelbagaian dan Keunikan Adat Negeri Sembilan Memperkuatkan Bangsa*. Beliau menyatakan adat di Negeri Sembilan terdapat undang-undang dan tata tertib atau disebut perlembagaan yang dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu adat sebenar adat, adat yang diadatkan, adat yang teradat dan adat istiadat. Hasil daripada kajian ini menyatakan bahawa aspek adat menjadi teras identiti Negeri Sembilan yang sebenar dan tidak menggunakan nama Minangkabau sahaja.

Menurut Midawati & Amriah Buang (2015) dalam kajiannya iaitu *Wanita Perpatih dan keusahawanan di Negeri Sembilan: Suatu Tinjauan Geografi Sejarah* menyatakan kedudukan wanita dalam adat Perpatih adalah penting kerana melalui mereka nasab ibu diturunkan. Tambahan pula wanita di Negeri Sembilan berperanan sebagai pewaris harta pusaka. Hal ini juga dapat dikaitkan kepada Ibu Soko kerana Ibu Soko merupakan seorang wanita dan mempunyai kuasa yang besar. Maka dapat disimpulkan bahawa adat Perpatih di Negeri Sembilan sangat mengangkat kedudukan wanita.

Kajian yang hampir sama atau serupa adalah dalam penulisan Datoek Toeah (1984) iaitu *Tambo Alam Minangkabau* menyatakan bundo kanduang adalah penguasa wanita yang ditafsirkan sebagai pemaisuri di Minangkabau. Kajian ini didapati menyakatan bahawa Bonda kanduang adalah Ibu Soko yang bermakna ibu sejati yang mempunyai sifat keibuan dan kepimpinan.

Kajian Mohd Rosli Saludin (2007) dalam kajiannya *Naning Luak Terbilang* menyatakan Ibu Soko mempunyai kuasa yang istimewa tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana kuasanya yang tidak boleh dipertikaikan. Hasil kajian ini adalah dapat dilihat ketika perlantikan Lembaga dan buapak sangat penting. Perkara ini penting kerana sebagai tanda asal keturunan calon dan Ibu Soko sahaja yang layak mengesahkan.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Siti FatimahTuzzahra Abd Latif & Kamrul Afizi Kosmen (2017) tentang *Serambi Rumah Tradisional Melayu Negeri Sembilan sebagai Ruang Multifungsi - Peranan dalam Adat*. Dalam kajian ini ada menyentuh tentang ruang ritual adat seperti acara cecah darah bermula Ibu Soko akan memainkan peranannya. Hal ini dapat dilihat Ibu Soko akan mengepilkan jari manisnya bersama jari manis individu yang berkodin. Kajian ini mendapati bahawa Ibu Soko juga menggukon ruang dalam rumah tradisional Melayu sebagai tempat ritual.

Selain itu, kajian oleh Alias Zakaria et al (2017) dalam *Busana Tradisional Negeri Sembilan* menyatakan dalam amalan adat istiadat Ibu Soko merupakan orang yang penting dalam pengendalian sesuatu majlis adat Perpatih. Ibu Soko juga merupakan wanita yang berpengetahuan dalam perjalanan adat terutamanya salasilah kelompok kekeluargaan. Kajian ini didapati menyatakan bahawa pakaian dan alat kebesaran Ibu Soko adalah Ibu Soko berpakaian baju kurung, tengkuluk di kepala dan sampingnya dari kain batik dan jika di Jelebu kain batik itu perlu di gulung di paras atas dada. Ini melambangkan ketinggian dan dan keilmuan Ibu Soko itu sendiri.

Menurut Fithriah Wardi et al (2018) dalam kajiannya *Pengaruh Sistem Matrilineal dalam Adat Negeri Sembilan*. Ibu Soko mempunyai kedudukan tinggi, dikagumi dan disanjung tinggi oleh masyarakat adat Perpatih. Ibu Soko juga adalah ibu-ibu waris yang berkuasa. Hal ini dikatakan demikian kerana Ibu Soko berkuasa menentukan pemerintahan di setiap wilayah dan Kawasan yang berkenaan. Seterusnya, dalam kajian mengenai Ibu Soko ini akan menyentuh berkaitan peranan, bidang kuasa dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana Ibu Soko mempunyai peranannya yang tersendiri. Hasil kajian ini adalah walaupun kuasa pemerintahan ada pada pihak lelaki namun kuasa dalam memilih pemerintah adalah ditentukan oleh Ibu Soko.

Seterusnya, kajian lepas yang diperoleh ialah *Peranan Keluarga dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan* oleh Mohd Rosli Saludin (2021) ialah masyarakat adat Perpatih menggelar wanita yang terpilih ini dalam istilah adat ialah Ibu Soko. Hasil kajian ini mendapati bahawa kuasa Ibu Soko dapat dilihat dalam menyusun atur adat istiadat, adat perkahwinan yang dipanggil Olek Betina, memainkan peranan penting dalam memilih calon meyangand pesaka adat dan sebagainya.

Selain itu, Muhammad Iqbal Haq Ibrahim & Ermy Azziaty Rozali (2021) dalam kajian *Sumbangan Dato' Undang Musa Al-Haj Kepada Masyarakat Majmuk di Jelebu, Negeri Sembilan*. Kajian ini menyatakan bahawa dalam sesuatu perlantikan Dato' Undang pada dasarnya haruslah dilaksanakan serta dijalankan oleh Buapak dan Lembaga. Undang juga boleh dipecat oleh anak-anak buah iaitu terdiri daripada Ibu Soko, Lembaganya yang hanya daripada jurai dan juak keturunannya sahaja. Kajian ini mendapati bahawa di sini dapat dilihat bahawa peranan dan kuasa Ibu Soko adalah besar.

Kajian *Sejarah Pengamalan Adat Perpatih Di Negeri Sembilan* oleh Rosiswandy Mohd. Salleh (t.th) menyatakan terdapat ciri ciri, tatacara pemilihan, peranan dan fungsi, pakaian dan alat kebesaran serta tugas dan bidang kuasa Ibu Soko. Ibu Soko merujuk kepadawanita atau perempuan yang berilmu serta berpegalaman. Malahan Soko bermaksud pusaka yang diamalkan

dan digunakan dalam kehidupan spanjang masa. Kajian ini didapati bahawa tugas dan bidang kuasa Ibu Soko adalah mengawal dan memastikan Adat Perpatih berjalan dalam landasan yang betul dan lancar tanpa berlaku apa-apa penyelewengan. Ia juga adalah pengimbang kepada Buapak, Lembaga, Undang dan juga Raja.

### **3. Metodologi**

Penyelidikan ini akan menumpukan kepada beberapa data dalam proses pengumpulan serta proses analisis. Proses pengumpulan hanya akan melibatkan penyelidikan kepustakaan iaitu mendapatkan maklumat serta kajian di perpustakaan bagi mendapat data-data awal kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi mendapatkan maklumat-maklumat awal serta gambaran kajian yang jelas tentang kajian yang dikaji. Maka dengan adanya pengumpulan maklumat-maklumat ini akan membantu serta menyokong kajian yang dikaji. Kaedah ini mencari maklumat tentang definisi, konsep, sejarah dan sebagainya yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Segala maklumat yang diperolehi adalah daripada buku, artikel, jurnal, laman sesawang, akta dan sebagainya. Selain itu, proses pengumpulan juga akan melibatkan temu bual bersama informan yang berkaitan.

Analisis terperinci akan dijalankan melalui proses analisis menggunakan teori peranan. Menurut Bruce J. Biddle et al (1966), teori peranan secara umumnya memfokuskan kepada salah satu ciri yang paling penting dalam tingkah laku sosial iaitu hakikat bahawa setiap manusia berkelakuan dengan cara yang berbeza dan boleh bergantung kepada situasi dan identiti sosial masing-masing. Teori peranan ini menjelaskan bahawa peranan merupakan satu andaian awal bahawa seseorang individu itu adalah sebahagian daripada kedudukan sosial yang tertentu. Hal ini dikatakan demikian kerana kedudukan sosial seseorang itu yang mempengaruhi orang disekitarnya dan kemudian ditaksirkan sebagai kepercayaan seseorang pada orang lain (Bruce J. Biddle et al. 1966). Melalui proses analisis ini tiga pecahan akan dijalankan iaitu peranan Ibu soko dalam masyarakat, organisasi dan individu.

### **4. Dapatan dan Perbincangan**

Dapatan dan perbincangan kajian ini adalah untuk menjawab mengenai peranan Ibu Soko dalam adat Perpatih di Negeri Sembilan (Luak Johol). Dapatan dan perbincangan ini akan terbahagi kepada tiga iaitu peranan Ibu Soko dalam masyarakat, organisasi dan individu.

#### **4.1 Peranan dalam masyarakat**

##### *Peranan dalam Majlis Berkahwin*

Menurut Rosiswandy Mohd. Salleh (t.th), Adat Perpatih menegah perkahwinan di antara sesama anggota sesebuah suku dan lebih menekankan amalan eksogami. Eksogami atau perkahwinan di luar suku ini menurut Adat Perpatih mempunyai objektifnya tersendiri. Nordin Selat (1976) menyatakan eksogami dapat mengekalkan dan mengharmonikan hubungan dalam suku sebagai hubungan persaudaraan dan tidak lebih daripada itu. Kaum lelaki akan tetap menganggap kaum perempuan dalam sukunya sebagai emak, kakak, adik, dan anak. Bertitik-tolak dari itu, kaum lelaki perlu mempunyai sifat melindungi dan menyayangi tetapi tidak pernah dilihat dari sudut hawa nafsu. Amalan eksogami juga dapat mengeratkan perhubungan antara suku.

Mohd Rosli Saludin (2011) menyatakan bahawa dalam majlis perkahwinan

terdapat beberapa aspek yang membezakan Ibu Soko dan orang biasa iaitu Ibu Soko menggantung kain songket atau kain pelikat di bahunya. Ibu Soko juga mempunyai kekuatan yang tinggi, maka Ibu Soko harus dilatih dengan berhati-hati dan betul. Contohnya dalam adat perkahwinan tertentu yang dikenali sebagai Olek Betina, Ibu Soko diberi keutamaan kerana Ibu Soko tidak mahu Lembaga atau Buapak mencampur tangan atau dijemput. Olek Betina atau adat perkahwinan itu dikatakan Ibu Soko hanya dibantu oleh Besar Waris sahaja.

Ibu Soko akan mengarahkan segala anak buah untuk membuat persiapan dalam sesuatu majlis kenduri kahwin atau juga dipanggil sebagai berolek. Berlaku perbincangan atau kerapatan sebelum berolek dan teraju utamanya ialah ibu soko dan buapak. Buapak akan menjadi ketua pelaksana setiap apa yang diputuskan tadi. Jika ada apa-apa masalah ia akan dirujuk kepada ibu soko. Setiap masa ibu soko akan melihat, memantau dan menegur jika dirasakan perlu. Dalam majlis beradat memang jelas keserlahan Ibu Soko ini dan ia jugalah yang paling bising dan sibuk untuk menguruskan majlis seperti berolek. Ibu Soko akan melihat adakah kain tadbir langit dipasang dengan betul, tabir lingkungan disiapkan, dipastikan juga ada tilam pandak, tepak sirih dan peminangan. Semuanya ini terletak diruang beradat (Mohd Rosli Saludin 2011)

Namun begitu tidaklah semua Ibu Soko dalam setiap Luak melakukan adat berolek tersebut. Sesetengah tempat seperti Luak Johol hanya melakukan majlis yang ringkas dan tidak memberatkan pihak pengantin. Ibu Soko di Luak Johol berperanan dalam merestui pengantin dan menyediakan dan membesarkan tetamu seperti Dato' Lembaga atau Buapak. Perkara ini dapat dilihat dalam petikan teks transkrip berikut:

“Kito (Ibu Soko) buek cagho kito yolah. Ibu Soko untuk merestui yolah. Kalau ghumah tu ikut adat atau beradat kok macam nak kahwin maghin konolah Ibu Soko ajak Buapak datang. Ibu Soko ni dio tak ado nak mombasarkan diri dalam majlis. Tolong yolah semuo. Separuh orang dio tak nak buek kerja, dio nak duduk bawah tabir langit. Yang dibosarkan tu Dato' Lembaga dongan Buapak jolah. Dato' Lembaga tu kalau nak makan baru kito jago. Kito mesti nak aleh makan dio tu, cawan dio nak aleh, semua atas tembaga (dulang tembaga). Aleh elok-elok. Cawan semua kena ada lapik. Kito hormatlah dio. Makanan dio tu kito tutup dengan tudung saji pastu lotak kain ateh dio tu”

(Temu bual: Zariah Md Nor, 2022)

Berdasarkan petikan teks transkrip tersebut dapat dilihat bahawa Ibu Soko di Luak Johol hanya melakukan majlis perkahwinan menggunakan cara mereka sendiri. Perkara ini juga memperlihatkan bahawa Ibu Soko harus menjemput Buapak hadir kerana jika individu yang berada di rumah itu adalah seseorang yang mengikut adat maka perkahwinan yang akan berlaku harus menjemput Buapak. Seterusnya, dapat dilihat bahawa Ibu Soko di Luak Johol juga tidaklah membesarkan diri kerana sihat kerjasama yang kuat dalam masyarakat diterapkan. Jika Dato' Lembaga dan Buapak hadir pada majlis perkahwinan tersebut maka Ibu Soko perlu memasang langit di syiling rumah. Bukan itu sahaja, Ibu Soko juga perlu menyediakan segala lauk-pauk di majlis

perkahwinan itu di atas dulang tembaga dan ditutup dengan tudung saji dan meletakkan kain di atasnya. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk menghormati dan membesarkan.

#### *Peranan dalam Majlis Berkodin*

Menurut Rahimi N.S (2000) berkodin adalah satu istilah yang sering dikaitkan dengan pengalaman adat Perpatih di Negeri Sembilan. Berkodin adalah salah satu upacara adat dan mempunyai istiadatnya tersendiri. Berkodin membawa maksud “saudara atau bersaudara. Bersaudara dalam erti kata satu jalinan kekeluargaan atau ikatan yang berkelindan rapat dan erat berasaskan adata yang diucap sejak dahulu kala hingga kinian akan datang.”

Terdapat beberapa jenis adat berkodin iaitu berkodin pinang sebatang dan berkodin aur serumpun. Kedua-dua jenis adat berkodin ini terdapat sedikit perbezaan antara satu luak dengan luak yang lain namun diguna pakai dalam semua luak dalam adat Perpatih di Negeri Sembilan. Dalam adat berkodin pinang sebatang atau dikenali adat berkodin selayar atap atau sebilah lantai ialah adat sekadar untuk memasuki sesuatu suku. Menurut Rahimi N.S (2000), orang yang dikodinkan hanya akan menumpang bersaudara dalam suku yang menjadi pilihannya dan majlis istiadatnya hanya Buapak menjadi saksi. Majlis ini hanya menyembelih seekor kambing dan menyediakan jumlah wang yang dinamakan ‘duit adat’ untuk dibahagikan kepada Buapak, Besar Waris, Tua Waris dan Ibu Soko. Individu yang hadir dalam istiadat ini hanyalah ahli keluarga terdekat ‘induk semang’ sahaja.

Seterusnya, dalam adat berkodin aur serempun pula juga dikenali sebagai berkodin adat dan pusaka. Rahimi N.S (2000) menyatakan adat ini hanya dikhaskan untuk kaum perempuan sahaja. Berkodin aur serumpun ini melibatkan banyak pihak. Kendurinya juga kena 'mantai' lembu atau kerbau jantan. Upacara untuk kodim ini agak 'godang' sedikit daripada istiadat berkodin pinang sebatang. Individu yang terlibat kali ini ialah Datuk Lembaga, Buapak, Besar Waris, Tua Waris dan Ibu Soko dalam perut yang berkenaan. Perlakuan dalam istiadat ini banyak yang bersifat tersirat atau simbolik. Perempuan yang masuk suku itu disebut sebagai 'tunas menumpang' atau 'tunas yang ditutkan'. Sebelum hari yang ditentukan majlis istiadat itu, banyak persiapan yang perlu diadakan. Bermula dengan risikan pihak yang hendak 'masuk suku' dengan bakal 'induk semang' atau ibu angkat sehingga majlis istiadat malah beberapa rundingan turut diadakan.

Adat berkodin pinang sebatang dan berkodin aur serumpun ini juga melibatkan peranan Ibu Soko. Ibu Soko juga melancarkan perjalanan adat berkodin agar majlis tersebut dapat berjalan dengan lancar. Perkara ini dapat dilihat dalam petikan teks transkrip berikut:

“Majlis ni cam ni lah, kito ni ado tanah pusako. Abih tanah pusako tu nak diturunkan tak ado adik perempuan jadi dio nak kan tanah mak eh tu, dia kodinkan anak dio tu. Jadi dio macam turunkan harta dio tu lah. Jadi bagilah namo kek anak dio tu. Itupun ikut

persetujuan semuo. Separuh tu tak nak, tak bagi bercampur semua. Berkodin ni nak kono betul-betul. Berkodin ni kito panggil suku-suku kito je. Tak panggil orang luar. Itupon menyombolih lombu jugak. Yang bercakap maso berkodin tu Dato' Lembaga dongan Buapak. Dato' Lembaga tu lah cerito macam ni adat berkodin, macam ni macam ni dio kato nak turunkan adat ni, nak turun kat orang ni, orang yang berkodin tu dio suku lain tu. Yang ada maso tu Dato' Lembaga, Buapak dongan Ibu Soko dan dongan orang yang nak dikodinkan tu. Tu semuo tu nak kena sediakan tilam pandak, dongan apo semuo tu. Dorang nak duduk ateh tu. Buapak dongan Lembaga duduk ateh tu. Kita kono pasang tabir panjang, tabir lelangit ateh siling semuo tu. Warno tak kisah. Sobab berkodin ni untuk turunkan harto. Berkodin ni kono ada hitam putih, surat pun mesti ado. Sobab kok orang menuntut-nuntut kalau tak ado surat tu, tu yang payah tu. Berkodin tu lah, untuk orang yang tak ado suku tapi nak masuk suku untuk harto. Ibu Soko pulak kena sediakan untuk Buapak samo Lembaga, kito sediakan. Letak nasi ateh dulang tembaga. Kito nak bagi dio makan tu semuo nak bertutup. Semuo kena guno tembaga. Letak ateh tu nasi dio, gulai dio, memang dah dalam mangkuk tapi kono lotakmangkuk tu semua dalam tembaga tu.”

(Temu bual: Zariah Md

Nor, 2022)

Berdasarkan petikan tersebut dapat dilihat adat berkodin ini dilakukan untuk memasukkan seseorang yang tidak mempunyai suku ke dalam suku dan juga untuk memberi harta pusaka. Ibu Soko juga memberi peranan yang besar kerana Ibu Soko harus memasing lelangit tabir di syiling. Berkodin juga memerlukan persetujuan semua dan jika terdapat sesetengah orang di dalam suku tidak bersetuju maka majlis berkodintersebut tidak akan menjadi. Berkodin juga akan dilakukan surat hitam putih agar terdapatnya bukti bahawa individu yang dikodinkan mendapat harta tersebut. Tambahan pula, Ibu Soko juga akan menyediakan makanan kepada Lembaga dan Buapak. Sama seperti majlis perkahwinan, segala jenis makanan harus diletakkan di dalam dulang tembaga.

#### **4.2 Peranan dalam organisasi**

##### *Peranan dalam Perlantikan Dato' Lembaga dan Buapak*

Menurut Abdul Rahman (1964), Lembaga adalah nama pemerintah bagi setiap suku, suku adalah gabungan diantara keluarga dalam Perut-Perut yang diketuai oleh Lembaga. Untuk melantik Lembaga mesti melalui persetujuan ataupermuafakatan dikalangan Buapak dan anak buah. Tidak semua Perut boleh mencalonkan Lembaga, terutama Perut dari suku lain yang berkodin iaitu satu upacara di mana seseorang diterima masuk menjadi ahli sesuatu suku dalam masyarakat Adat Perpatih dengan



sesebuah suku. Ketua Perut atau Buapak yang sudah lama berkhidmat sahaja yang berhak melantik Lembaga. Seterusnya, dalam soal perlantikan ini adalah terletak ke atas Undang untuk memutuskannya sama ada ia menerima atau menolak terhadap calon Lembaga tersebut. Sekiranya Undang merestui cadangan yang dibuat itu, maka satu tarikh akan ditetapkan untuk melaksanakan upacara perlantikan tersebut. Pada hari perlantikan itu, Undang atau Buapak akan mengumumkan nama Datuk Lembaga yang baru kepada anak buah di dalam sukunya. Upacara persembahan dilangsungkan di dua tempat yang berasingan iaitu di 'Telapak' tempat kelahiran kediaman Datuk Lembaga di rumah ibunya. Manakala satu lagi tempat adalah di 'Teratak' tempat kediamannya di sebelah isteri. Upacara di Telapak dilakukan di sebelah pagi manakala upacara di Teratak dilakukan di sebelah petang. Tujuan upacara ini dilakukan adalah untuk memberi jamuan kepada anak-anak buah yang mana Lembaga menyembelih dua ekor kambing (Abdul Rahman 1964)

Ibu Soko juga mempunyai kuasa yang istimewa yang tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa. Ibu Soko juga memainkan peranan yang penting dalam perlantikan Dato' Lembaga. Perkara ini dapat dilihat di dalam petikan berikut:

"Ibu Sokolah nak kena siapkan tilam pandak dio tu, tikar belangkat dia dalam tigo ompek holai. Mak Lang (Ibu Soko) memang simpan semuo tu. Bujam tak polah, memang mak lang buek bujam tu. Semua bondo nak kena kain kuning, segalo-galonyo kuning. Lepastu ada cara istimewa dia nak ikek kain tu. Ikek setiap boko penggalan dongan wajik eh tu, semuo ikek dongan kain kuning. Diapunya tepak tu pon balut dengan kain kuning. Semuo sorbi eh tu kuning. Nak pergi haritu, nak melantik haritu. Bawa bungo pahar samo bungo panco duo, poghoncik ompek, penanam ompek, baju pengkhususan baju Melayu sopasang, tan masnya rm150 ke rm250, serupo macam mas kahwin kito. Semuo tu lah, macam berkahwin. Itu semuo untuk melantik tu, kito kena sorah sebelum kito nak pergi hadap Tuanku tu, kito sorahkan semua ni kat Tok Shama tu dulu. Letakkan depan tu, duit mak lang (Ibu Soko) pegang. Orang lain tak pogang duit tu, mak lang je yang pogang duit tu. Bunga-bunga pahar tu semua lotak kek dopan tu. Dio tak boleh sebarang. Yang membaca perlantikan dia tu dia duduk depan, mak lang duduk sebolah, dia sebolah mak lang, dia kena baco. Mak lang ni dongarkan je sebolah dio. Mak lang pegang duit tu. Dah sudah, mak lang dah sorahkan duit tu. Lepastu Dato' Bentara Perempuan yang tarik barang-barang tu tersorah tu daripada kito."

(Temu bual: Zariah Md

Nor, 2022)

Berdasarkan petikan tersebut dapat dilihat peranan dalam organisasi melalui perlantikan Dato' Lembaga. Ibu Soko berperanan dalam menyediakan segala kelengkapan seperti tilam pandak, tikar belangkat, bujam atau tepak sirih, bunga pahar, bunga panca dan

sebagainya. Bukan itu sahaja, setiap barang yang dipersembahkan di hadapan Yam Tuan Besar Negeri Sembilan untuk perlantikan Dato' Lembaga haru diikat rapi menggunakan kain kuning malah tepak juga perlu membalut dengan kain bewarna kuning. Ibu Soko juga memegang wang tan mas yang dianggap seperti mas kahwin semasa perlantikan tersebut dan menyerahkan wang tersebut dan selepas itu Dato' Bentara Perempuan yang akan menguruskan proses seterusnya.

Ibu Soko juga berperanan dalam perlantikan Buapak. Menurut Nordin Selat (1976), Buapak merupakan ketua kelompok kekeluargaan dalam sistem tradisi kepimpinan Adat Perpatih, iaitu Perut. Istilah Buapak ialah hasil gabungan kata-kata ibu dan bapa yakni ketua dalam sebuah keluarga. Oleh itu, sebuah Perut lebih besar daripada sebuah keluarga biasa sehingga boleh mencapai lima hingga enam generasi, maka konsep Buapak itu terbit sebagai ketua kelompok kekeluargaan ini. Anggota-anggota dalam Perut menjadi anak buahnya. Buapak dipilih oleh anggota suatu Perut daripada kalangan anggota yang dewasa antara mereka. Semua anggota Perut, lelaki dan perempuan akan berhimpun di suatu tempat yang ditentukan, seperti di rumah isteri bekas seorang buapak, untuk bermuafakat bagi melantik seorang yang layak dan padan untuk memegang jawatan Buapak itu bagi Perutnya. Pelantikannya itu disahkan pula oleh Lembaga yang mengetuai suku dari mana Perut itu berada. Ibu Soko mempunyai kuasa yang istimewa maka Ibu Soko juga memainkan peranan dalam perkara yang melibatkan adat. Ibu Soko juga turut berkuasa dalam perlantikan Buapak kerana sebelum Buapak menyandang gelaran tersebut maka Buapa terlebih dahulu memberitahu dan meminta persetujuan Ibu Soko. Perkara ini dapat dilihat di dalam petikan transkrip berikut:

“Dulu kito, macam nilah kito nak melantik orang ni. Lepastu kito panggillah orang suku-suku kito tu setuju atau tak. Nak lantik dio ni jadi Buapak, jadi Lembaga, setuju ke tak. Kito mesti tanyo balik semuo. Nanti kang kato dio anak buah tu tak, jadi tak dapatlah. Kalau ramai yang bersuara kato tidak, tak dapatlah. Kalau kato setuju, abihlah, jadilah dio. Tapi nak jadi Buapak, Dato' Lembaga, Undang dio mesti nak ado isteri dulu. Kalau tak ado tak bolehlah pogang jawatan. Kalau dio, bini dio dah tak ado, dio konolah copek cari ganti.”

(Temu bual: Zariah Md

Nor, 2022)

Berdasarkan petikan tersebut dapat dilihat bahawa Ibu Soko adalah salah satu individu yang berkuasa dalam melantik Buapak. Ibu Soko juga terlibat dalam perlantikan Dato' Lembaga dan juga Buapak. Persetujuan semua juga perlu dicapai sebelum perlantikan berlaku. Jika ramai yang tidak bersetuju maka perlantikan itu terbatal dan perlu membuat rundingan semula. Tambahan pula untuk menyandang gelaran Buapak, Dato' Lembaga atau Undang, mereka haruslah mempunyai isteri dan jika isteri mereka sudah meninggal dunia maka mereka harus mencari pengganti dengan kadar segera.

### 4.3 *Peranan Individu*

#### *Pakar Rujuk Masalah Suku*

Istilah 'Ibu Soko' merupakan suatu istilah adat yang popular dalam masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Apa yang menyedihkan kita pada hari ini ialah istilah adat ini seakan-akan tidak pernah didengar dan diketahui oleh tatapan umum khususnya masyarakat yang berada di luar dari Negeri Sembilan. Jika ditanya mengenai istilah 'Ibu Soko' ini, kebanyakan daripada kita menggelengkan kepala dan berkata 'Tidak tahu'. Apatah lagi jika disoal tentang peranan dan tanggungjawab 'Ibu Soko', kelu lidah untuk berkata, terkunci mulut diam sahaja sedangkan 'Ibu Soko' adalah warisan adat yang perlu kita jaga dan pelihara agar ianya terus subur sepanjang masa. (Mohd Rosli Saludin, 2011).

Ibu Soko merupakan panggilan yang digunakan dalam masyarakat Adat Perpatih merujuk kepada wanita. Ibu Soko didefinisikan sebagai wanita yang paling berpengetahuan dan berpengalaman tentang perjalanan adat khususnya tentang salasilah kelompok kekeluarganya. Ia merupakan pakar rujuk berkaitan dengan perkara yang berkaitan dengan hal ehwal adat baik dari segi sosial, ekonomi atau politik. Ibu Soko mempunyai kuasa yang istimewa dan tersendiri dan kuasanya tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa (Mohd Rosli Saludin 2011).

Menurut Alias Zakaria dan Mastura Mohamed Berawi (2018) Ibu Soko adalah seorang perempuan tertua dalam ruang, rumpun, perut atau suku yang tahu, faham dan hafal tentang adat serta asal usul kelompok kekeluargaan yang diwakilinya. Beliau terlibat secara langsung dalam pemilihan dan pelantikan ketua adat dalam kelompok kekeluargaan yang diwakilinya. Dikenali juga sebagai ibu telapak atau ibu waris. Dalam amalan adat istiadat, Ibu Soko merupakan ikon yang penting dalam pengendalian sesuatu majlis adat perpatih. Istilah Ibu Soko merupakan panggilan yang digunakan dalam masyarakat adat perpatih merujuk kepada wanita yang paling berpengetahuan dan berpengalaman tentang perjalanan adat khususnya tentang salasilah kelompok kekeluarganya. Di rantau Minangkabau, Ibu Soko dipanggil sebagai Bundo Kandung, iaitu Bundo membawa maksud "Ibu" manakala Kandung bermaksud "sejati". Jelaslah dapat dilihat bahawa figura Ibu Soko ini bukanlah sekadar nama dan gelaran sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana Ibu Soko adalah seorang yang mahir dalam salasilah, mempunyai pengalaman yang banyak dan mempunyai tanggungjawab yang besar. Jika terdapat masalah di dalam suku maka Ibu Soko adalah orang yang akan menjadi pakar rujuk. Perkara ini dapat dilihat dalam petikan transkrip berikut:

“Buapak tu dilantik oleh Ibu Soko. Ibu Soko melantik Buapak tu. kalau tidak dio tak dapek nak jadi Buapak pasal Ibu eh ado lagi. Ibu Soko yang melantik Buapak. Ibu Soko terpaksolah bercakap, mengatokan nak lantik orang ni, orang ni. Sebelum nak lantik orang tu orang tu kono buat baiklah. Yolah, kalau Ibu Soko dah

berbunyi kang, kau tak betul abihlah. Kau mesti rujuk dekat Ibu Sokodulu. Sebelum Buapak dongan Lembaga nak ambil jawatan tu kono tanyo dulu. Kalau dio kato setuju, setujulah, kalau dio kato tak, berbalahlah akan sampai.”

(Temu bual: Zariah Md

Nor, 2022)

Berdasarkan petikan tersebut dapat dilihat bahawa kuasa Ibu Soko dalam melantik Buapak. Ibu Soko juga telah menjadi pakar rujuk masalah suku jika terdapat perbalahan. Ibu Soko juga perlu memperkatakan untuk melantik Buapak kepada semua anak buah di bawah sukunya. Buapak juga perlu berbuat baik kepada Ibu Soko sebelum dirinya direstui dan dilantik Ibu Soko. Hal ini dikatakan demikian agar dapat sokongan serta kata sepakat semua seperti kata sepakat Anak Buah.

## 5. *Rumusan dan cadangan*

Kesimpulannya, ibu Soko mempunyai peranan yang sangat besar di dalam Adat Perpatih dan mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Kedudukan Ibu Soko juga bergantung kepada suku kaum namun kedudukan Ibu Soko masih tidak begitu dikenali masyarakat. Disebabkan kekurangan pendedahan dan pemahaman generasi muda dalam setiap luak maka kurangnya pengetahuan tentang peranan Ibu Soko. Bukan itu sahaja, sejak akhir-akhir ini ramai yang tidak mengetahui tentang peranan Ibu Soko seperti peranan dalam majlis perkahwinan, peranan dalam perlantikan Dato' Lembaga dan Buapak, peranan dalam majlis berkodin dan pakar rujuk masalah suku. Masyarakat juga tidak mengenali sosok Ibu Soko secara lebih dekat dan terperinci malah peranan Ibu Soko juga tidak diketahui umum. Hal ini dikatakan demikian kerana tiadanya kajian-kajian yang teliti tentang Ibu Soko dan generasi lama kurang melaksanakan pendedahan kepada generasi muda. Generasi muda pula kurang berusaha untuk mendalami adat istiadat negeri kelahiran. Perkara ini juga berlaku kerana tiada pendedahan secara langsung dan tidak langsung kepada semua lapisan masyarakat, malah di dalam sistem pendidikan di sekolah juga tidak menceritakan dan memperjelaskan tentang Ibu Soko.

Akhir sekali diharapkan bahawa adat perpatih ini mendapat perhatian generasi sekarang dan generasi yang akan datang. Dengan pemupukan minat tentang adat perpatih ini dapat menjadi salah satu titik permulaan kepada perkenalan adat perpatih dengan lebih meluas dan sekaligus boleh memperkenalkan keistimewaan dan keunikan adat perpatih kepada peringkat yang lebih meluas.

## **Rujukan**

- Abdul Rahman Mohammad. (1964). *Dasar-dasar Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Alias Zakaria & Mastura Mohamed Berawi. (2017). *Busana Tradisional Negeri Sembilan*. Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia Press.
- Ariffin. (2009). *Dualitas dalam Masyarakat Minangkabau*. Yogyakarta : Universitas Gadjah Mada.

- Biddle, Bruce J. & Thomas, Edwin J. (1966). *Role Theory: Concepts and Research*. United State of America: Penerbit John Wiley & Sons, ICN.
- Datoek Toeah. (1984). *Tambo Alam Minangkabau*. Bukit Tinggi: Penerbit Pustaka Indonesia.
- Fithriah Wardi, Mualimin Mochammad Sahid & Setiyawan Gunardi. (2018). Pengaruh Sistem Matrilineal dalam Adat Negeri Sembilan: Perspektif Syarak. *Malaysia Journal of Syariah and Law* 8(1): 83-91.
- Mat Noor Mat Zain, Che Maryam Ahmad, Zuliza Mohd Kusrin. (2012). Perkahwinan Adat Rembau, Negeri Sembilan, dalam Penulisan C.W.C Parr dan W.H Mackray. *Jurnal Melayu* (9): 171-189.
- Midawati & Amriah Buang. (2015). Wanita Perpatih dan keusahawanan di Negeri Sembilan: Suatu Tinjauan Geografi Sejarah. *Malaysia Journal of Society and Space* 11(2): 128- 139.
- Mohd Rosli Saludin. 2007. *Naning Luak Terbilang*. Penang: Penerbit Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Rosli Saludin. (2021). Peranan Keluarga dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Prosiding Seminar Antarabangsa Kebudayaan Adat Minangkabau Negeri Kembar 50 Koto & Negeri Sembilan 2021. Selangor, 30 Jun.
- Mohd Rosli Saludin. (2011). *Peranan Ibu Soko dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. Negeri Sembilan: Lembaga Muzium Negeri Sembilan.
- Mohd Rosli Saludin. (2011). *Seri Menanti Tanah Beradat Bermula di Sini*. Kuala Lumpur. Crescent News.
- Muhammad Iqbal Haq Ibrahim & Ermy Azziaty Rozali. (2021). Sumbangan Dato' Undang Musa Al-Haj Kepada Masyarakat Majmuk di Jelebu, Negeri Sembilan. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 98-118.
- Nordin Selat. (1976). *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Utusan Melayu (M) Berhad.
- Rahimi N.S. (2000). Adat Berkadim Dalam Luak Jempol Negeri Sembilan. *Jurnal Warisan* 23:71-84.
- Rosiswandy Mohd. Salleh. t.th. *Sejarah Pengamalan Adat Perpatih Di Negeri Sembilan*.
- Siti Fatimah Tuzzahra Abd Latif & Kamrul Afizi Kosmen. (2017). Serambi Rumah Tradisional Melayu Negeri Sembilan sebagai Ruang Multifungsi - Peranan dalam Adat. *Journal of Design and Built Environment* 17(2): 37-50.
- Zariah Md Nor. (2022). Peranan Ibu Soko dalam adat Perpatih, Negeri Sembilan. Temu bual, 1 Jun.